

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 APRIL 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 27

## Kadar pengangguran terus berkurangan

### Kadar pengangguran terus berkurangan

Kadar pengangguran pada Februari 2023 turun kepada 3.5 peratus, dengan 591,900 penganggur, demikian menurut perangkaan terkini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata kedudukan pasaran buruh negara terus stabil sejajar dengan perkembangan aktiviti ekonomi semasa.

Justeru, beliau berkata, bilangan tenaga buruh pada Februari 2023 berada pada trend menaik, dengan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.2 peratus kepada 16.78 juta orang berbanding Januari 2023 sebanyak 16.76 juta orang, merekodkan kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi iaitu pada 69.9 peratus berbanding Januari 2023 sebanyak 69.8 peratus.

"Situasi yang menggalakkan itu berikutan pertambahan berterusan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala bilangan penganggur menunjukkan trend penurunan," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd Uzir selanjutnya berkata, pada Februari 2023, bilangan penduduk bekerja terus meningkat, merekodkan 16.19 juta orang, naik sebanyak 0.2 peratus bulan ke bulan berbanding 16.16 juta orang pada Januari 2023.

Sebaliknya, beliau berkata, bilangan penganggur pada Februari terus menunjukkan trend penurunan dengan pengurangan sebanyak 0.7 peratus kepada 591,900 orang berbanding 596,100 orang pada Januari 2023.

"Oleh itu, kadar pengangguran pada bulan itu turun sebanyak 0.1 mata peratus kepada 3.5 peratus berbanding 3.6 peratus pada Januari 2023," katanya.

Mengulas kedudukan guna tenaga beliau berkata, kategori pekerja meliputi 75.7 peratus yang secara konsisten merangkumi komposisi terbesar penduduk bekerja pada Februari 2023.

Beliau berkata, kategori itu mencatatkan peningkatan bulan ke bulan sebanyak 0.1 peratus kepada 12.25 juta orang berbanding 12.24 juta orang pada Januari 2023.

Katanya, penduduk bekerja sendiri turut mencatatkan kenaikan 0.5 peratus merekodkan 2.89 juta orang pada Februari 2023.

Mengikut sektor ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor perkhidmatan terus meningkat, terutama dalam aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman; perdagangan borong dan runcit dan pentadbiran dan khidmat sokongan.



Mohd Uzir Mahidin

#### Aktif cari kerja

Pada masa sama, bilangan penduduk bekerja dalam sektor pembuatan, pembinaan, perlombongan dan pengkuarian serta pertanian juga menunjukkan trend yang sama.

Mengulas lanjut mengenai situasi pengangguran pada bulan itu, Mohd Uzir berkata, mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan atau penganggur aktif, merangkumi 80.3 peratus daripada jumlah penganggur pada Februari 2023.

Beliau berkata, bilangan dalam kategori itu berkurang sebanyak 1.3 peratus merekodkan 475,500 orang berbanding 481,600 orang pada Januari 2023.

Katanya, daripada jumlah penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan meliputi 61.0 peratus, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun adalah 6.3 peratus.

Manakala, penganggur tidak aktif atau mereka yang percaya tiada pekerjaan yang tersedia, meningkat 1.7 peratus kepada 116,400 orang.

Pada bulan itu, kadar pengangguran bagi belia 15 hingga 24 tahun mencatatkan penurunan sebanyak 0.2 mata peratus kepada 11.3 peratus, iaitu 320,800 orang.